

BULETIN MDG

MAJLIS DAERAH GERIK



"MENUJU ERA GEMILANG"

EDISI OGOS - DISEMBER 2024

BIL 2/24

FIESTA LOMA 2024



MAJLIS PERAKUAN
PENERIMAAN JAWATAN YANG
DIPERTUA MAJLIS DAERAH
GERIK 2024



GERIK MOUNTAIN
FESTIVAL 1.0



SAMBUTAN ULANGTAHUN
LENGGONG GEOPARK
KALI KE-3



Perutusan YANG DIPERTUA MAJLIS DAERAH GERIK

**“Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
dan Salam Gerik Gemilang”**

**Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran
dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan
limpah rahmat dan izin-Nya, Buletin MDG Bilangan
2/2024 berjaya diterbitkan sebagai medium
informasi rasmi Majlis Daerah Gerik kepada para
pembaca sekalian.**



Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada barisan Sidang Redaksi Buletin atas komitmen, usaha dan dedikasi yang telah dicurahkan sehingga terhasilnya penerbitan ini. Tidak dilupakan juga Setiausaha, Ahli Majlis, Ketua-Ketua Jabatan serta seluruh warga MDG yang sentiasa berganding bahu dalam memastikan kelancaran pentadbiran dan kecemerlangan perkhidmatan kepada masyarakat.

Tahun 2025 membuka lembaran baharu dalam usaha kita memperkukuhkan sistem penyampaian perkhidmatan dan melaksanakan agenda pembangunan yang lebih mampan, inklusif dan berimpak tinggi. Dengan semangat kebersamaan serta kerjasama seluruh warga kerja MDG, saya yakin kita mampu mencapai lebih banyak kejayaan dan pengiktirafan, bukan sahaja di peringkat negeri, malah di peringkat kebangsaan.

Buletin ini bukan sahaja menjadi saluran penyampaian maklumat terkini berkaitan aktiviti dan program Majlis, malah berperanan sebagai wahana komunikasi dan keterlibatan antara Majlis dan masyarakat. Justeru, saya berharap penerbitan ini dapat dimanfaatkan sebaik mungkin oleh semua pihak sebagai sumber rujukan dan inspirasi.

Akhir kata, marilah kita bersama-sama mengorak langkah ke hadapan dengan semangat yang jitu demi membina Gerik Menuju Era Gemilang.

KONVENSYEN AHLI MAJLIS 2024

17-18 JULAI 2024

Program ini telah disempurnakan oleh panel EN MOHAMAD KHATIB @ FAZRI BIN AMRAN. (Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Inspektorat, Jabatan Kerajaan Tempatan)

Konvensyen Ahli Majlis ini dirancang untuk mengalu-alukan Ahli Majlis yang baru dilantik untuk mendekati peranan MDG dan memahami fungsi secara dasar berkaitan MDG. Matlamat program ini juga adalah memberi pemahaman tentang peranan dan sumbangan Ahli Majlis dan Ketua Jabatan/ Unit kepada semua peringkat dalaman dan luar jabatan.



Objektif

- * Menerangkan perundangan dan dasar MDG
- * Menjelaskan fungsi MDG
- * Kefahaman peranan dan sumbangan Ahli Majlis dan Ketua Jabatan/ Unit



SELAMAT HARI PAHLAWAN 2024

Hari Pahlawan Negara disambut pada 31 Julai tiap-tiap tahun. Sambutan ini diadakan setiap tahun bagi memperingati jasa anggota bersenjata yang telah berbakti mempertahankan negara.

Dikesempatan itu, sebagai mengenang jasa dan khidmat bakti, Majlis Daerah Gerik menyampaikan sedikit penghargaan dan mengucapkan ribuan terima kasih terutamanya kepada warga Rejimen Sempadan Gerik (RS), IPD Gerik, anggota BOMBA dan penyelamat Gerik dan juga kepada anggota2 keselamatan yang lain.



PERLAWANAN PERSAHABATAN DI ANTARA MD GERIK VS ULU KENDERONG FC. KEPUTUSAN (2-2)

Selain menggalakkan aktiviti sukan, perlawanan ini juga bertujuan untuk mengeratkan lagi hubungan silaturrahim sesama insan. Terima kasih diucapkan kepada Ulu Kenderong FC kerana sudi bermain pada malam ini. Disebabkan perlawanan sengit berakhir dengan keputusan seri, kemungkinan akan ada lagi jemputan pada masa akan datang!

Akal yang cerdas daripada tubuh badan yang sihat. Majulah sukan untuk negara





MAJLIS PERAKUAN PENERIMAAN JAWATAN YANG DIPERTUA MAJLIS DAERAH GERIK 2024

Selamat datang dan selamat bertugas kepada Tn. Mohamad Fitri bin Hassan Yang Dipertua MD Gerik yang baharu, yang mula bertugas secara rasmi pada 16 Jun 2024.

Semoga MD Gerik terus maju dan cemerlang di bawah pengurusan dan pentadbiran tuan.

Terima Kasih dan setinggi penghargaan kepada Dato **Salbiah Mohamed** diatas sumbangan Jalur Gemilang bagi menyemarakkan lagi sambutan bulan kemerdekaan 2024!



Perasmian

SUKAN 3 PENJURU ANTARA PBT HULU PERAK



Majlis pembukaan telah dirasmikan oleh TN Mohamad Fitri bin Hassan, Yang Dipertua MD Gerik disertai oleh setiausaha MD Gerik, MD Lenggong dan juga MD Pengkalan Hulu.

Selamat datang diucapkan kepada kontinjen daripada MD Lenggong dan MD Pengkalan Hulu ! Hari pertama, sukan 3 penjuru telah berlangsungnya perlawanan dart dan karom di dewan serbaguna Majlis Daerah Gerik.

Marilah kita bersukan untuk kesihatan, bersukanlah demi perpaduan, kesejahteraan dan keharmonian kita bersama!



5



SUKAN 3 PENJURU ANTARA PBT HULU PERAK

Tahniah diucapkan kepada semua pemain MD Gerik, kerana berjaya merangkul 1 emas, 1 perak dan 1 gangsa dalam acara congkak, bola sepak dan sepak takraw yang berlangsung di Dewan Arena, pengkalan Hulu tempoh hari.

Terima kasih dan setinggi penghargaan diucapkan kepada penyokong yang sanggup hadir dari Gerik ke Pengkalan hulu semata-mata bagi memberikan sokongan penuh kepada atlet-atlet MD Gerik. Semoga semangat kesukanan ini dapat dikekalkan untuk acara mendatang!

Semoga berjaya untuk sukan seterusnya iaitu pingpong dan badminton yang akan diadakan di MD Lenggong pada 5 dan 6 September 2024.

SISTEM PENARAFAN BINTANG PIHAK BERKUASA TEMPATAN TAHUN 2024



Terima kasih dan setinggi penghargaan diucapkan kepada panel-panel yang hadir ke MD GERIK bagi Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan tahun ini.

Semoga berjumpa lagi pada masa akan datang!



PROGRAM SEMARAK HIJAU TAMAN INAI 2024

"Lingkungan bersih adalah cerminan dari sikap dan tindakan kita dalam menjaga kelestarian alam "

Oleh yang demikian, Majlis Daerah Gerik telah mengambil inisiatif bagi membersihkan sampah dan menanam semula pokok hiasan di Taman inai gerik.

Dikesempatan itu, MD Gerik menyeru warga gerik untuk bersama-sama berganding bahu bagi menjaga kebersihan Taman Inai Gerik. Kebersihan tanggungjawab bersama.



PROGRAM MEGA PEMBERSIHAN SEMPENA WORLD CLEAN UP DAY 2024



28 September 2024

8.00 Pagi



Kampung Air Suda
Gerik Perak



MAJLIS DAERAH GERIK

HARI CUCI MALAYSIA - PROGRAM PERMBERSIHAN MEGA SEMPENA WORLD CLEAN UP DAY PERINGKAT DAERAH

Terima kasih diucapkan kepada semua yang terlibat terutamanya penduduk komuniti Kg Air Suda, pekerja kontraktor pembersihan(puncak emas infra) dan juga kakitangan MD Gerik. Diharapkan program gotong royong ini dapat diteruskan pada masa akan datang.





**PERASMIAN PENUTUP FIESTALOMA 2024 OLEH
DULI YANG TERAMAT MULIA RAJA MUDA PERAK
DARUL RIDZUAN, RAJA JAAFAR IBNI ALMARHUM
RAJA MUDA MUSA.**





6 Oktober 2024, DYTM Raja Jaafar mencemar duli bagi merasmikan majlis penutup Fiestaloma 2024 yang bertempat di dataran loma.

TuanKu tiba awal pagi di Dataran Jong bagi membuat pelepasan acara rakit dan beramah mesra bersama warga tempatan yang hadir memeriahkan acara rakit fiestaloma 2024. TuanKu juga turut meluangkan masa menyampaikan hadiah kepada pemenang pertandingan rakit bagi ketiga-tiga kategori yang dipertandingkan disamping melawat ke reruai pameran yang ada di Dataran Loma.

Menjunjung Kasih TuanKu
Majlis Daerah Gerik mewakili urusetia-urusetia dan sekelian rakyat Gerik khasnya dengan penuh takzim merafak sembah setinggi - tinggi terima kasih atas keberangkatan Yang Teramat Mulia Raja Muda Perak mencemar duli menyempurnakan Majlis Penutup Fiestaloma 2024.





MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) 2023 DAN MAJLIS PERSARAAN KAKITANGAN MAJLIS DAERAH GERIK.

MAJLIS ANUGERAH INI TELAH
DIRASMIKAN OLEH TUAN YANG
DIPERTUA MAJLIS DAERAH GERIK,
TN. MOHAMAD FITRI BIN HASSAN.

SERAMAI 13 PENERIMA ANUGERAH
YDP 2023, 2 ORANG STAF MD GERIK
BERSARA 2023 DAN 7 ORANG
PENERIMA APC 2023.



12



GERIK MOUNTAIN FESTIVAL 1.0

8 GUNUNG TELAH DITAWAN SERENTAK PADA SATU-SATU MASA! MELIBATKAN PENYERTAAN HAMPIR 600 PENYERTAAN DARI SELURUH PELUSUK NEGARA TERMASUK SABAH DAN SARAWAK! SEMPAT ADMIN MENGUCAPKAN SELAMAT DATANG KE GERIK!





KEJOHANAN LIGA TERTUTUP SEPAK TAKRAW PIALA YANG DIPERTUA MAJLIS DAERAH GERIK



TAHNIAH KEPADA JUARA KEJOHANAN LIGA TERTUTUP PIALA YANG DIPERTUA MD GERIK 2024 IAITU PASUKAN MAJLIS DAERAH GERIK

kepada pasukan2 yang lain, tahniah juga kepada anda semua kerana telah menyertai kejohanan yang julung kali diadakan pada tahun ini! jangan berputus asa, teruskan latihan dan semoga bertemu lagi di kejohanan akan datang! anda memang fighters!

KEJOHANAN LIGA TERTUTUP SEPAK TAKRAW
PIALA YANG DIPERTUA MAJLIS DAERAH GERIK
16 NOVEMBER 2024 (SABTU) DEWAN ARENA DATO' HASBULLAH

HADIAH UTAMA

NAIB JOHAN RM350	JOHAN RM500	KETIGA RM200
---------------------	----------------	-----------------

KEEMPAT RM 100

YURAN PENYERTAAN RM 30 1 REGU (32 PASUKAN TERAWAL)

SILA SCAN UNTUK TERMA DAN SYARAT PERTANDINGAN DAN MUAT TURUN BORANG PENYERTAAN

TARIKH TUTUP PENYERTAAN 15 NOVEMBER 2024 (3 PETANG)

PH: 019-506 2284 (FAZUL ARIF)

SILA KEMBALIKAN BORANG KE JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN MD GERIK BERSERTA BAYARAN





14

SESI TOWNHALL BAGI PEMAKAIAN ENAKMEN HOTEL NEGERI PERAK 2023

DI KAWASAN PENTADBIRAN

MD GERIK, MD LENGGONG DAN MD PENGKALAN HULU

ANDA

PENGUSAHA HOTEL,
HOMESTAY,
RUMAH TUMPANGAN,
RUMAH BOT, MOTEL,
RUMAH PEMALAMAN,
RUMAH TETAMU ?

**ANDA DIJEMPUT HADIR
KE SESI TOWNHALL INI!**

*MAKANAN DISEDIAKAN

SILA SCAN QR
UNTUK KEHADIRAN**TARIKH 28 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)****MASA : 8.30 PAGI - 1.00 PETANG****TEMPAT : DEWAN PERSIDANGAN MDG**

PERASMIAN OLEH:

TUAN MOHD ZAIRASYAHLI SHAH BIN ZAKARIA S.M.P.A.M.N.A.A.P.

TIMBALAN PENGARAH KANAN (KERAJAAN TEMPATAN), UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI (UPEN),

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK

MODERATOR

TN. AHMAD FAZRIL BIN RAMLI

SETIAUSAHA MD GERIK

PANEL 1PN NUR BALQIS HANNAH
BINTI MOHD JAMILPEN. PENGARAH 3 (PELANCONGAN)
BAHAGIAN KERAJAAN TEMPATAN**PANEL 2**TN. MEGAT AMIRUL ZAINI JAMALULLAIL
BIN MEGAT JAMALUDDINBENDAHARI NEGERI,
PEJ. KEWANGAN NEGERI PERAK**PANEL 3**

TN. SYAHRUL 'AZRIN BIN GHAZALI

(PENASIHAT UNDANG-UNDANG MBI)



SESI TOWNHALL BAGI PEMAKAIAN ENAKMEN HOTEL 2023 DI KAWASAN PENTADBIRAN MD LENGGONG, MD GERIK DAN MD PENGKALAN HULU



Terima kasih diucapkan kepada pemain-pemain industri yang hadir pada sesi townhall ini dan juga setinggi penghargaan kepada panel-panel jemputan kerana sudi meluangkan masa bagi memberi pencerahan berkaitan enakmen hotel 2023.



SAMBUTAN

ULANGTAHUN LENGGONG GEOPARK KALI KE-3

Gambar sekitar Sambutan Ulangtahun Lenggong Geopark kali Ke-3 yang telah berlangsung sebentar tadi di Dataran Arena Amanjaya Lawin dengan pelbagai aktiviti menarik. Sambutan Ulangtahun Lenggong Geopark kali Ke-3 ini dirasmikan oleh YB Datuk Seri Dr Shamsul Anuar Hj Nasarah Timbalan Menteri Dalam Negeri yang juga merupakan Pengerusi bagi Jawatankuasa Geokomuniti bagi Pengurusan Lenggong Geopark.

Turut serta Pengurus Lenggong Geopark Tuan Pegawai Daerah Hulu Perak Tuan Mohamad Fitri bin Hassan, YDH Toh Muda Orang Kaya Kaya Seri Adika Raja Shahbandar Muda Dato' Ar LA Meor Roslan bin Dato' Seri Haji Meor Ahmad Rashidi Orang Besar Jajahan Hulu Perak, Timbalan Pengarah Kanan Kerajaan Tempatan, Unit Perancang Ekonomi Perak, Tuan Mohd Zairasyahli Shah Zakaria, Tuan Amzari Bin Arzami YDP Majlis Daerah Lenggong juga selaku Pengerusi Jawatankuasa Geopelancongan Lenggong Geopark serta Tuan Mohd Azam Bin Ismail Penolong Pegawai Daerah Lenggong juga selaku Pengerusi Jawatankuasa Geotapak Lenggong Geopark.

Sesi ini dimulakan dengan sesi Townhall oleh Prof Dato' Dr Mokhtar Saidin selaku Penasihat Pakar bagi Lenggong Geopark.

Terima kasih juga diucapkan buat semua agensi yang terlibat termasuk pempamer-pempamer yang membuka reruai sempena hari Ulangtahun Lenggong Geopark kali Ke-3 pada hari ini. Semoga usaha yang dilakukan oleh semua pihak yang terlibat membuahkan hasil dalam mengiktirafkan Lenggong sebagai UNESCO Global Geopark yang ke-3 Di Malaysia selepas Langkawi UGGP dan Kinabalu UGGP.



Pasar

P. RAMLEE &
SALOMA

@ Laman Seni

Program Pasar P. Ramlee & Saloma di Laman Seni Mural telah berlangsung dengan jayanya dan mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada pengunjung pelbagai lapisan masyarakat.

Suasana penuh nostalgia yang diinspirasikan daripada legenda seni tanah air, P. Ramlee dan Saloma, berjaya menghidupkan kembali kenangan era kegemilangan seni hiburan tanah air. Kehadiran pengunjung yang hadir berbusana klasik serta sokongan para peniaga telah menambahkan lagi kemeriahan program ini.

Pihak penganjur merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pengunjung, peniaga, urus setia serta rakan-rakan strategik yang telah memberikan kerjasama dan komitmen sepanjang program berlangsung.

Semoga program seperti ini dapat diteruskan pada masa akan datang dalam usaha memeriahkan aktiviti komuniti serta menyemarakkan semangat menghargai seni dan budaya tempatan.



**SIDANG REDAKSI BULETIN
MD GERIK**

PENAUNG

TN. MOHAMAD FITRI BIN HASSAN (P.C.M.)
YANG DIPERTUA MD GERIK

PENASIHAT

AHMAD FAZRIL BIN RAMLI
PEGAWAI TADBIR, SETIAUSAHA , N9

KETUA EDITOR

MOHD KHAIRUL ANWAR BIN HUSSAIN
PEN. PEG. TEKNOLOGI MAKLUMAT

EDITOR

NURZAKIRAH BINTI AHMAD NOOR
PEMBANTU TADBIR

JURUFOTO

MUSTAQIM BIN KHAIRUL HIZAD
AINUDDIN BIN KAMARUDIN
NURZAKIRAH BINTI AHMAD NOOR

EMAIL:

mdg@gerik.gov.my

NO TELEFON:

05-7912305

ALAMAT:

Pejabat Majlis Daerah Gerik
Jalan Haji Meor Yahaya
33300 Gerik, Perak.

FACEBOOK:

Majlis Daerah Gerik

PORTAL:

Majlis Daerah Gerik

HAK CIPTA TERPELIHARA

Sebarang penerbitan semula di dalam apa jua bentuk
penerbitan tidak dibenarkan kecuali dengan
kebenaran bertulis daripada MDG